

No. Kelas: .....

No Perolehan: .....

Tarikh: 6-2-91

Sambutan Para Penghuni Terhadap Proses Pemulihan  
Akhlak. Satu Kajian Ke Atas Sekolah Tunas  
Bakti Sungai Lereh, Melaka.

Zawiyah Bte Mohd.

No. Matrik : 054976.

Projek Penyelidikan.

Bagi Memenuhi Sebahagian Daripada  
Syarat-Syarat Untuk  
Ijazah Sarjana Muda Sastera.

Jabatan Antropologi & Sosiologi.

Universiti Malaya.

Kuala Lumpur.

Sesi 1990 / 1991.

Sinopsis:-

Kajian ini meliputi program-program pemulihan terutamanya program latihan vokeysional di kalangan para pemulih Sekolah Tunas Bakti Sungai Lereh, Melaka. Di dalam Bab 1 menerangkan tentang masalah kajian. Ini menyentuh tentang bagaimanakah akan kejayaan program-program yang dijalankan dapat menarik perhatian pemulih-pemulih terutamanya bagaimana keterlibatan para pemulih di dalam program latihan vokeysional. Kemudiannya pula menyentuh skop kajian yang melibatkan Pengetua, Pegawai Rundingcara dan kakitangan pentadbiran yang lain serta para pemulih. Seterusnya dimuatkan tujuan kajian. Di samping itu cara pemilihan responden dan batas-batas memilih responden turut diselitkan di dalam kajian ini. Kaedah kajian yang meliputi kaedah pemerhatian, soal-selidik, temu-bual dan rujukan dari bahan terkumpul. Disertakan juga masalah dalam kajian. Di sini termasuklah masalah memilih responden dan penyesuaian diri dengan suasana sekeliling. Di dalam Bab 1 ini juga disertakan konsep **juvama** dan pemulihan. Di samping itu penerangan mengenai Teori Simbolik Interaksi sebagai teori dalam kajian ini. Teori ini digunakan untuk memahami tentang reaksi dan kelakuan-kelakuan yang ditunjukkan oleh para pemulih terhadap program pemulihan yang mereka jalani.

Dalam Bab 2 pula menerangkan latar-balakang STB dan kumpulan-kumpulan sasaran serta tempoh tahanan dan jenis tahanan yang terbahagi kepada dua iaitu tahanan tetap dan tahanan sementara. Diterangkan juga jenis-jenis keluaran yang terbahagi kepada dua jenis iaitu cubaan lesen dan keluaran tamat perintah. Di dalam bab ini juga diterangkan program-program pemulihan yang terdiri dari pemulihan fizikal, sosial

dan psikologikal & mental serta agama. Tidak ketinggalan juga disertakan latihan vokeysional yang meliputi kelas jahitan, menyulam, mengait, kraftangan serta urusan rumahtangga & masakan.

Di dalam Bab 3 adalah bab analisa data. Di dalam analisa data ini saya lebih khusus kepada program-program pemulihan vokeysional. Di dalam bab ini menentukan sejauhmanakah keterlibatan pemulih dengan program pemulihan yang melibatkan kelas-kelas vokeysional dan bagaimanakah kejayaan program ini dalam proses pemulihan akhlak.

Di dalam Bab 4 menyelitkan ringkasan wawancara khas dengan Pengetua dan Pegawai Rundingcara STB. Kedua-dua tokoh ini memainkan peranan penting dalam menjalankan program pemulihan di STB. Kemudiannya saya paparkan masalah yang timbul sepanjang program pemulihan ini. Akhir sekali di dalam Bab 4 ini saya sertakan saranan-saranan untuk mengatasi masalah yang dikemukakan.

Bab 5 adalah bagi penutup keseluruhan bab-bab dalam kajian ini.

.....

.....  
.....  
.....  
.....

.....  
.....  
.....

Babien. Terima kasih. Wawasan.

Ramaiyah Binti Mohd. ....  
Jalaytan Antropologi & Sosiologi,  
Universiti Malaya,  
Lembah Pantai,  
Kuala Lumpur.

Kandungan:-

	<u>Halaman.</u>
Sejambak Ingatan.	ii.
Sinopsis.	iii.
Penghargaan.	v.
Kandungan.	vi.
Senarai Jadual.	viii.
Senarai Gambarajah.	ix.
Senarai Gambar.	x.
Senarai Daftar Ejaan Singkatan.	xi.
<u>Bab 1.</u>	
1.1 Pendahuluan.	1.
1.2 Masalah Kajian.	2.
1.3 Skop Kajian.	3.
1.4 Tujuan Kajian.	3.
1.5 Pemilihan Responden.	4.
1.5.1 Batas-Batas Memilih Responden.	4.
1.6 Kaedah Kajian.	5.
1.7 Masalah Dalam Kajian.	6.
1.8 Konsep.	8.
1.9 Teori Simbolik Interaksi.	9.
<u>Bab 2.</u>	
2.1 Latar Belakang STB.	15.
2.1.1 Kumpulan Sasaran.	15.
2.1.2 Tempoh Tahanan Dan Jenis Tahanan.	17.
2.2 Had Muatan.	17.
2.3 Jenis Keluaran.	18.
2.4 Program Pemulihan.	18.
2.5 Disiplin Sekolah.	23.
2.6 Tempoh Orientasi Pemulih Baru.	24.

<u>Senarai Judul</u>	<u>Tajuk</u>	<u>Halaman</u>
<u>Bab 1.</u>		
2.7 Pelajaran, Latihan Dan Aktiviti-Aktiviti Di STB.	24.	
2.7.1 Pendidikan Akademik.	25.	
2.7.2 Pendidikan Agama.	25.	
2.7.3 Pendidikan Vokeysional.	26.	
<u>Bab 2.</u>		
2.7 Kehadiran Kelas-Vokasional Mengikut Kaun Di STB, 1990.	27.	
<u>Bab 3.</u>		
3.1 Analisa Data.	30.	
<u>Bab 4.</u>		
4.1 Ringkasan Temu-Bual Dengan Pengetua STB.	41.	
4.2 Ringkasan Temu-Bual Dengan Pegawai Rundingcara STB.	42.	
4.3 Penemuan.	44.	
4.4 Saranan-Saranan.	46.	
<u>Bab 5.</u>		
5.1 Penutup.	48.	
<u>Bibliografi.</u>		
Lampiran 1.	35.	
Lampiran 2.	36.	
Lampiran 3.	36.	
3.1.1(a) Keadaan Kartan STB.	37.	
3.1.6 Keadaan Di Antara Penglibatan Responden Terhadap Kelas-Kelas Vokasional Sebelum Dimasukkannya Ke STB Dengan Derjah Kemahiran Mereka Terhadap Kelas-Kelas Vokasional Setelah Mereka Ditempatkan Di STB.	39.	
3.1.7 Keadaan Antara Derjah Kemahiran Responden Dengan Genre Pekerjaan.	40.	

Senarai Jadual:-

<u>Bilangan.</u>	<u>Tajuk.</u>	<u>Halaman.</u>
2.1.1(b)	Kedudukan Kakitangan STB Januari, 1990.	16.
2.2 (a)	Jumlah Penghuni STB 1986 hingga Mei, 1990.	17.
2.5.1	Sistem Pembahagian Gred Di STB.	23.
2.7.4	Kelas-Kelas Vokeysional Mengikut Kaum Di STB, 1990.	27.
3.1.1	Kaitan Antara Kelas-Kelas Kemahiran Dengan Tempoh Waktu.	30.
3.1.2	Kaitan Antara Kelas-Kelas Kemahiran Dengan Tindak-Balas Responden Terhadap Tugas Yang Dilakukan.	32.
3.1.3	Kaitan Tempoh Masa Responden Berada Di STB Dengan Darjah Keminatan Mereka Terhadap Program Pemulihan Vokeysional Di STB.	33.
3.1.4	Kaitan Kelas-Kelas Vokeysional Dengan Darjah Keminatan Responden.	35.
3.1.5	Kaitan Antara Darjah Keminatan Dengan Masa Kelas-Kelas Vokeysional Itu Dijalankan.	36.
3.1.5(a).	Jadual Harian STB.	37.
3.1.6	Kaitan Di Antara Penglibatan Responden Terhadap Kelas-Kelas Vokeysional Sebelum Dimasukkan Ke STB Dengan Darjah Keminatan Mereka Terhadap Kelas-Kelas Vokeysional Setelah Mereka Ditempatkan Di STB.	39.
3.1.7	Kaitan Antara Darjah Keminatan Responden Dengan Jenis Pekerjaan.	40.

Senarai Gambarajah:-

<u>Bilangan.</u>	<u>Tajuk.</u>	<u>Halaman.</u>
2.1.1(a)	Carta Organisasi Sekolah Tunas Bakti Sungai Lereh, Melaka.	
2.4.1	Program Pemulihan Di Sekolah Tunas Bakti Sungai Lereh, Melaka.	16.
2.4.2(a)	Perkhidmatan Pemulihan Di Sekolah Tunas Bakti Sungai Lereh, Melaka.	20.
(b)	Perkhidmatan Pemulihan Di Sekolah Tunas Bakti Sungai Lereh, Melaka.	21.
7.	Gera-i-Gera-i Yang Menjual Hasil Kraftangan Pemulih.	
8.	Gera-i Jahitan Di Sekolah Tunas Bakti Sungai Lereh, Melaka.	22.

Senarai Gambar:-

<u>Bilangan.</u>	<u>Tajuk.</u>	<u>Lampiran.</u>
1.	Sekolah Tunas Bakti Sungai Lereh, Melaka.	1.
2.	Bangunan Pentadbiran & Kelas Akademik Sekolah Tunas Bakti Sungai Lereh, Melaka.	"
3.	Kelas-Kelas Vokeysional Sekolah Tunas Bakti Sungai Lereh, Melaka.	"
4.	Surau Sekolah Tunas Bakti Sungai Lereh, Melaka.	"
5.	Tapak Semaian Bunga Di Kebun Bunga Sekolah Tunas Bakti Sungai Lereh, Melaka.	"
6.	Taman Bunga Di Sekolah Tunas Bakti Sungai Lereh Melaka.	"
7.	Gerai-Gerai Yang Menjual Hasil Kraftangan Pemulih."	
8.	Gerai Jahitan Di Sekolah Tunas Bakti Sungai Lereh, Melaka.	"

Senarai Daftar Singkatan Perkataan:-

1.1 Pendahuluan.

Ejaan Penuh.

Singkatan.

- Ibu adalah satu hajim ke atas sekolah pemuliharan akhlak bagi **Dlm.**
- 1. **Dalam.** adalah perempuan yang berusia di antara 10 hingga **Dlm.** tahun.
- 2. **Kebajikan.** hanya ialah untuk melihat nasabutan mereka yang **Keb.** dengang.
- 3. **Pengajar.** adalah program-program pemuliharan. Walau bagaimanapun **Peng.**
- 4. **Sekolah Tunas Bakti Sungai Lereh, Melaka.** Ialah program **STB.** han.
- 5. **Urusan Rumahtangga.** **URT.**

Segala program pemuliharan yang dijalankan oleh pihak pentadbiran sekolah adalah selah satu daripada langkah-langkah untuk membantu-pulih akhlak para pemulih. Kenaliyah-masing-masing pemulih yang sering dihadapi oleh pihak pentadbiran ini. Para pemulih tidak memberikan perhatian yang sepadan kepada ke atas tugas-tugas yang telah diper-tanggungjawabkan ke atas mereka. Malahan ada di antara mereka yang hanya berborak-borak basang dan tidak di dalam kelas walaupun telah ditegur oleh guru yang bertanggungjawab. Mereka tidak menghiraukan tugas yang diberikan kepada mereka. Situasi dan kelelahan-kelelahan yang ditunjukkan oleh mereka itu mengejarkan sikap tidak minat mereka terhadap program-program pemuliharan khasnya yang ke arah sukacita-sukacita. Sikap-pesike ini adalah sedikit-sebanyak disebabkan kelelahan dalam mengasrami manusia-manusia membaca, menulis dan mengira (SM). Bahkan ada di antara mereka yang tidak tahu atau-sudah SM. Kelelahan-kelelahan sedemikian tentulah sedikit-sebanyak mengganggu kelancaran program pemuliharan ini. Seterusnya pada kelelahan-kelelahan tersebut akan munculi kesan pada kejayaan program pemuliharan ini kelak.

## BAB 1.

### 1.1 Pendahuluan.

Ini adalah satu kajian ke atas sekolah pemulihan akhlak bagi pesalah-pesalah perempuan yang berumur di antara 10 hingga 18 tahun. Tumpuan kajian saya ialah untuk melihat sambutan mereka yang sedang dipulihkan terhadap program-program pemulihan. Walau bagaimanapun program pemulihan yang saya lebih tekankan ialah program pemulihan yang bercorak latihan vokeysional.

Segala program pemulihan yang dijalankan oleh pihak pentadbiran sekolah adalah salah satu daripada langkah-langkah untuk membaik-pulih akhlak para pemulih. Masalah-masalah pemulihan yang sering dihadapi oleh pihak pentadbiran ialah para pemulih tidak memberikan perhatian yang sepenuhnya ke atas tugas-tugas yang telah diper-tanggungjawabkan ke atas mereka. Malahan ada di antara mereka yang hanya berborak-borak kosong dan tidur di dalam kelas walaupun telah ditegur oleh guru yang bertugas. Mereka tidak menghiraukan tugas yang diberikan kepada mereka. Situasi dan kelakuan-kelakuan yang ditunjukkan oleh mereka itu menggambarkan sikap tidak minat mereka terhadap program-program pemulihan khasnya yang ke arah vokeysional.

Sikap mereka ini adalah sedikit-sebanyak disebabkan kelemahan dalam menguasai asas-asas membaca, menulis dan mengira (3M). Bahkan ada di antara mereka yang tidak tahu asas-asas 3M. Kelemahan-kelemahan sedemikian tentulah sedikit-sebanyak mengganggu kelancaran program pemulihan ini. Seterusnya pula kelemahan-kelemahan tersebut akan memberi kesan pada kejayaan program pemulihan ini kelak.

( 2 ).

### 1.2 Masalah Kajian.

Dewasa ini masalah remaja nakal sering menjadi isu yang mendapat tempat dan perhatian dari pihak media massa tempatan. Atas kesedaran betapa penting untuk membaik-pulih akhlak remaja ini maka Sekolah Tunas Bakti Sungai Lereh, Melaka (STB) telah ditubuhkan pada tahun 1953 dan pada masa itu dikenali dengan nama Sekolah Perempuan Sungai Lereh, Melaka. Kemudiannya pada tahun 1983 Kementerian Kebajikan Masyarakat Malaysia telah menukar nama sekolah ini kepada STB. Pelbagai program pemulihan dijalankan dalam usaha membaik-pulih akhlak mereka.

Di sini timbul persoalan bagaimanakah sambutan mereka yang ditempatkan di STB terhadap program pemulihan itu. Apakah program pemulihan yang telah dijalankan selama ini berjaya menarik minat pemulih? Di dalam kajian saya, saya turut menyertakan sejauhmanakah sambutan dan kecenderungan para pemulih terhadap pelbagai program pemulihan khasnya program pemulihan yang bercorak vokeysional.

Pada pendapat saya, latihan vokeysional yang diberikan kepada para pemulih di STB ini amat memberi manfaat. Saya berpendapat sedemikian kerana latihan vokeysional yang didedahkan pada mereka adalah salah satu daripada corak latihan yang dapat dijadikan sebagai satu pekerjaan apabila mereka keluar dari STB ini. Kita tidak dapat nafikan bahawa mereka yang keluar dari STB ini kelak akan menghadapi masalah untuk mendapatkan pekerjaan. Latihan vokeysional yang diterima sedikit sebanyak membolehkan mereka berdikari melakukan kerja sendiri sekembalinya mereka ke pangkuhan masyarakat kelak.

( 3 ).

#### 1.3 Skop Kajian.

Kajian ini dijalankan di Sekolah Tunas Bakti Sungai Lereh, Melaka. Dalam usaha saya menilai sambutan pemulih terhadap aktiviti-aktiviti pemulihan, pengkajian juga melibatkan Pengetua, kakitangan sekolah dan tenaga pengajar. Tugas tenaga pentadbiran ini termasuklah memastikan segala aktiviti pemulihan dapat menarik minat pemulih. Ini ada kaitannya dengan bagaimanakah tenaga pentadbiran di STB dapat menyelesaikan masalah yang ada kaitan dengan pemulih dalam menyudahkan tugas yang diberikan.

Di dalam kajian ini saya turut melibatkan diri sebagai pembantu kepada guru-guru di dalam kelas-kelas vokeysional. Tujuan penglibatan saya ialah untuk melihat secara dekat diri pemulih semasa menjalani aktiviti pemulihan. Secara tidak langsung juga saya dapat memerhatikan tingkah-laku dan ketelitian pemulih berhadapan dengan tugas yang diberikan. Selain daripada itu dapat juga dilihat bagaimanakah khidmat tenaga pengajar di sekolah ini digunakan oleh para pemulih.

#### 1.4 Tujuan Kajian.

Kajian yang saya jalankan mengenai sambutan para pemulih di STB mengenai proses pemulihan akhlak untuk memenuhi salah satu syarat bagi mendapat Ijazah Sarjana Muda Sastera. Di samping itu saya berharap dengan terhasilnya kajian ini kelak, akan sedikit sebanyak membantu pihak yang tertentu mengatasi kelemahan-kelemahan yang ada baik pada bahagian pentadbiran ataupun pada diri pemulih sendiri.

Pada pendapat saya hasil daripada kajian saya jalankan ini boleh menjadi suatu kayu ukur tentang sambutan para pemulih terhadap pelbagai program pemulihan. Andaikata ada timbulnya perkara yang ada kaitannya dengan aktiviti pemulihan ini maka pihak Kementerian

( 4 ).

Perpaduan Negara Dan Pembangunan Masyarakat akan dapat maklum-balas tentang perkara ini. Pihak kementerian seterusnya dapat mengambil tindak-tanduk untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang ditimbulkan dalam kajian ini.

### 1.5 Pemilihan Responden.

Dalam kajian saya ini, proses pemilihan responden berdasarkan secara langsung dan secara tidak langsung. Secara langsung yang saya maksudkan ialah saya memilih responden yang terdiri daripada para pemulih seramai 50 orang. Ini meliputi ketiga-tiga kaum yang utama di sekolah ini, yakni kaum Melayu seramai 65%, kaum Cina 18% dan kaum India 16%. Manakala seramai 15 orang telah saya pilih secara rambang di bahagian tenaga pentadbiran untuk membantu saya memberikan penjelasan dan gambaran yang terang mengenai proses pemulihan akhlak di STB.

Sedangkan secara tidak langsung saya ertikan sebagai pemulih-pemulih yang tidak termasuk dalam 50 orang responden tadi. Mereka ini bertindak sebagai membantu saya menyesuaikan diri dengan pemulih-pemulih di STB. Di samping itu mereka dapat membantu saya ke arah mendapatkan gambaran yang jelas tentang keterlibatan mereka ke dalam proses pemulihan di STB ini.

#### 1.5.1 Batas-Batas Memilih Responden.

Pemilihan responden yang terdiri daripada pemulih adalah dibatasi. Di kalangan pemulih-pemulih keutamaan pada responden yang tinggal lebih kurang setahun di STB. Walau bagaimanapun dalam kes-kes yang tertentu seperti kekurangan responden pada kelas-kelas kemahiran yang dipilih, Pegawai Rundingcara membenarkan memilih responden yang telah menetap di STB tidak kurang dari 6 bulan.

( 5 ).

Batasan ini diadakan kerana andaian mereka yang berada di STB selama satu tahun ke atas telah banyak mendapat pendedahan tentang program pemulihan.

#### 1.6 Kaedah Kajian.

Di dalam kajian yang saya jalankan ini, pelbagai metode kajian telah saya gunakan. Di antaranya termasuklah:-

##### (a). Kaedah pemerhatian.

Kaedah ini saya jalankan dengan melihat atau memerhatikan aktiviti-aktiviti pemulihan. Pemerhatian ini melibatkan aktiviti-aktiviti berbentuk fizikal, sosial, psikologi dan mental, agama dan latihan vokeysional. Secara tidak langsung apabila memerhatikan aktiviti-aktiviti tersebut khasnya yang ke arah latihan kemahiran, saya turut juga memerhatikan pemulih-pemulih menjalani program tersebut. Rentetan daripada kaedah ini, saya akan dapat melihat sikap dan tingkah-laku responden dalam menghadapi tugas-tugas yang diberikan. Ini seterusnya akan membantu saya nelihat dengan lebih dekat lagi tugas-tugas yang diberikan.

##### (b). Kaedah soal-selidik.

Kaedah ini digunakan dengan cara menyebarkan borang soal-selidik kepada responden yang terdiri dari pemulih yang seramai 50 orang. Responden yang dipilih ditempatkan di dalam Bilik Gerakan STB. Mereka diberi masa selama satu jam menjawab soalan-soalan yang dikemukakan. Soalan dijelaskan secara lisan apabila ada di kalangan responden tidak memahami soalan yang dikemukakan kerana ada di kalangan responden yang tidak tahu asas-asas 3M.

Pengedaran borang-borang soal-selidik adalah berperingkat-peringkat. Pembahagiannya adalah berdasarkan kepada kelas-kelas

( 6 ).

kemahiran atau vokeysional yang dijalankan di STB. Kelas-kelas ini termasuklah Kelas Jahitan Asas, Kelas Jahitan Lanjutan, Kelas Masakan & Catering, Kelas Sulaman & Mengait dan Kraftangan.

(c). Kaedah temu-bual.

Kaedah ini digunakan sebagai susulan dari pengagihan borang-borang soal-selidik kepada responden. Kaedah ini digunakan kerana ada responden yang tidak tahu membaca dan menulis. Kaedah ini dapat menyenangkan pengutipan data-data yang dikehendaki. Secara tidak langsung juga saya seolah-olah bertindak sebagai ' pemerhati ' untuk melihat kriteria-kriteria sambutan mereka terhadap program pemulihian ini.

Saya rasakan dengan menggunakan kaedah ini, saya dapat bersua-muka dengan responden dan dapat mengenali mereka dengan lebih dekat lagi. Kaedah temu-bual ini digunakan juga pada tenaga pentadbiran STB. Ini termasuklah Pengetua, Pegawai Rundingcara dan kakitangan sekolah yang lain termasuklah tenaga pengajar. Dengan cara ini saya dapat mengenali mereka dengan lebih dekat lagi dan memudahkan saya mendapat kerjasama.

(d). Rujukan dari bahan terkumpul.

Ini termasuklah buku-buku rujukan dan juga Latihan Ilmiah yang lepas yang sedikit-sebanyak ada kaitannya dengan kajian saya ini. Kaedah ini saya gunakan dalam dua masa iaitu sebelum kerja lapang dan sesudahnya.

### 1.7 Masalah Dalam Kajian.

Semasa saya menjalankan kerja lapang di STB, timbul beberapa masalah yang sedikit-sebanyak mengganggu kelancaran kajian saya. Masalah pertama yang saya hadapai ialah menentukan tarikh permulaan

permulaan kerja lapang saya. Dalam perancangan saya, kerja lapang dimulakan pada 5hb. April, 1990. Namun tarikh tersebut terpaksa dipinda kepada 7hb. Mei, 1990 kerana tarikh awal adalah tarikh-tarikh di dalam bulan puasa. Maka beberapa aktiviti ko-kurikulum tidak dapat dijalankan. Di samping itu juga timbul masalah menda-patkan responden kerana ramai yang masih bercuti Hari Raya Puasa. Mereka berada di kampung masing-masing. Oleh kerana itu terdapat kelewatan dalam menjalankan kerja lapang ini.

Ketiadaan responden bukan sahaja dari kalangan para pemulih bahkan saya sukar untuk berhubung dengan Pegawai Rundingcara STB pada awalnya kerana beliau masih bercuti. Pegawai Rundingcara ini perlu bagi memberi taklimat tentang STB. Kekurangan responden yang dicadangkan oleh Pegawai Rundingcara kian terasa akibat ramai di antara para pemulih diserang demam cacar dan terpaksa diasingkan buat beberapa ketika dari pemulih yang lain.

Di samping itu juga ramai di antara responden yang terlibat dalam upacara-upacara khas. Ini menyebabkan saya terpaksa menunda dari hari ke hari untuk bertemu dengan responden yang terlibat. Ada beberapa nama terpaksa saya gugurkan dan digantikan dengan pemulih yang lain. Ini kerana kesuntukan masa dan kesukaran berjumpa dengan responden yang terlibat dengan upacara khas itu.

Saya juga berhadapan dengan pemulih-pemulih yang tidak tahu membaca dan menulis. Ini memaksa saya untuk lebih berinteraksi dengan mereka dengan lebih rapat lagi. Di samping itu saya juga tidak lari dari berhadapan dengan sikap curiga dan syak-wasangka dari setengah pemulih dengan kehadiran saya di STB. Ini tentu menyulitkan saya untuk mengenal mereka dengan lebih rapat lagi untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang saya kehendaki.

Seperkara lagi yang menimbulkan masalah semasa saya menjalankan kerja lapang ialah saya tidak dapat turut serta dalam beberapa kelas kemahiran. Sebagai contohnya, Kelas Urusan Rumahtangga masih belum ada guru yang mengambil tempat guru yang telah meletakkan jawatan. Kelas ini tidak dapat dijalankan sehinggalah pihak Kementerian Pendidikan Malaysia menghantar seorang guru yang berkenaan ke STB.

#### 1.8 Konsep.

Konsep remaja nakal ini telah banyak diberi takrifan oleh pelbagai pihak. Menurut Gibbons,

" Juvenile delinquency consists of acts or infractions which are prohibited in the statutes of the individual states. Juvenile delinquents are youths who commit one or more these infractions. When we identify some one as a delinquent, we ought to keep clearly in mind that this description usually refers to only a small portion of the total behavior of the youth. "( 1 )

Pada pendapat Trojanowicz pula,

" Delinquency therefore, is the deviant activities of a defined age group. "( 2 )

Manakala Teele pula berpendapat,

" delinquency definition only two items in addition to violation of law or ordinance. These items are : a child who deserts his home or who is habitually disobedient or is beyond the control of his parent or other custodian; who being required by law to attend school, willfully

( 9 ).

vielated rules thereof or absents himself there from. "( 3 )

Konsep pemulihan pula menurut pendapat Schwitzgebet,

" ... is direct toward producing an enduring change in the behaviour of an individual as believe undernatural conditions in the community. Included within the concepts of treatment is an idea of restoration as improvement rather than restriction or disablement. Also interinsic to treatment, espacially behaviour modification, is the requirement of measureable results. ' Treatment ' techniques that do not procedure measureable results may be either an espect of research or merely ineffectice and therefore probably inappropriate procedures..."( 4 )

Menurut Louis,

" Treatment broadly refers to these strategies and techniques which are aimed at the alleviation of a state of disability. In this content, criminality constitutes the social disability and correctional treatment would be concerned with terminating, or attempting to terminate, the criminal predisposition ... In the broad context, treatment represents all programs, tactics, strategies, and manipulations designed to carry out the helping intent of rehabilitation. "( 5 )

#### 1.9 Teori Simbolik Interaksi.

Teori Simbolik Interaksi oleh Herbert Mead adalah suatu teori mengkaji tentang individu dan hubungan sosial dari segi aspek biologi dan psikologi. Faktor sosial merupakan faktor yang penting yang menentukan wujudnya kesedaran di kalangan individu terutama sekali dalam fikiran individu apabila berinteraksi. Semua manusia

( 10 ).

secara biologi dibentuk oleh tekanan-tekanan sosial. Dalam proses sosialisasi, masyarakat dan individu yang tertentu mempunyai kemampuan untuk mengajar dan menyesuaikan diri dalam keadaan-keadaan yang tertentu. Dalam proses ini individu akan mengenal-pasti bentuk-bentuk perlakuan yang sesuai dengan keadaan tertentu. Akibat daripada **proses** mempelajari perlakuan yang tertentu setiap individu dalam masyarakat akan memegang peranan yang tertentu. Dalam proses itu seterusnya individu berkenaan menyedari sikap-sikap tersebut dan bagaimanakah ia patut berkelakuan.

Mead seterusnya mengatakan kelakuan manusia terbahagi kepada:-

- (i). Manifest Behaviour/ Kelakuan yang ketara.
- (ii). Latent Behaviour/ Kelakuan yang tidak ketara.

Kedua-dua ini penting kerana ianya membezakan antara kelakuan-kelakuan manusia dengan binatang. Manusia mempunyai minda dan akan bertindak berdasarkan minda. Dalam proses interaksi antara minda atau fikiran manusia sama ada dengan individu lain atau persekitaran-persekutaran fizikal, maka fikiran manusia menggunakan simbol-simbol. Simbol-simbol ini digunakan untuk menyatakan segala objek dalam sekitaran sama ada sosial dan fizikal. Simbol-simbol ini juga digunakan berbagai-bagai teknik dan kaedah untuk mencari ikhtiar bagi menggandalikan perhubungannya dengan individu lain. Setiap jenis kelakuan dan tindakan seseorang itu adalah mempunyai makna atau maksud. Dalam proses interaksi makna menjadi tertentu atau 'establish' yang dapat difahami oleh setiap individu yang sedang berinteraksi.

Keadaan ini dikenali conventional gesture yang bererti perlakuan-perlakuan yang khusus dan makna yang menjadi biasa bagi semua golongan yang sedang berinteraksi. Hanya dengan kedudukan di mana setiap gerak dan tindakan itu dapat difahami maka individu-individu

dapat berinteraksi antara satu sama lain dan memainkan peranan tanpa mengelirukan di antara individu-individu yang sedang berinteraksi. Setiap individu telah pun dapat memahami jenis gerak perlakaun itu menggunakan pula perlakuan-perlakuan sedemikian untuk memahami gerakan orang lain pula.

Dengan kata lain, simbol bukan saja membolehkan individu memahami di antara satu sama lain bahkan simbol yang digunakan dapat memahami dengan apa yang dilakukan. Dalam proses interaksi, simbol bukan terhad pada alatan tetapi perlakuan itu adalah simbol juga.

Pancaindera manusia iaitu elemen-elemen biologi yang amat penting bagi membentuk simbolik-simbolik interaksi termasuklah:-

- i. Hidung, berfungsi untuk memberitahu sesuatu yang baru dan memberi tanda rasa kasih-sayang melalui ciuman.
- ii. Mulut, berfungsi untuk bercakap dan tertawa serta sebagainya.
- iii. Mata, berfungsi untuk melihat dan menangis.
- iv. Telinga, berfungsi untuk mendengar.
- v. Tangan, berfungsi untuk memegang, bersalam dan melambai.

Kehendak-kehendak sosial manusia juga penting bagi membentuk simbolik-simbolik interaksi. Ini termasuklah:-

- i. Kehendak fisiologi.

Kelakuan manusia tidak sahaja memperolehi dari respond kepada rangsang tetapi juga melalui kehendak fisiologi yang muncul secara automatik segala kehendak manusia di tonjol secara sedar dan rasional. Manusia bertindak rasional bila berinteraksi.

- ii. Keperluan nafsu/seks.

Adalah keperluan biologi untuk meneruskan generasi. Manusia mengadakan peraturan-peraturan perkahwinan tertentu bagi mengelakkan berlakunya keruntuhan moral dan akhlak.

iii. Lapar dan dahaga.

Faktor ini menentukan interaksi dan pola-pola perlakuan satu-satu kumpulan masyarakat.

iv. Sifat agresif.

Adalah salah satu sifat biologi bagi tujuan untuk menunjukkan simbol-simbol interaksi sosial apabila berhadapan dengan per-telingkahan, konflik dan sebagainya. Sifat-sifat agresif boleh ditunjukkan dengan berkelakuan seperti menendang, bermasam muka, meraung, menjerit, tempeleng dan sebagainya.

v. Sifat-sifat pergantungan.

Ciri-ciri pergantungan boleh disimbolkan sebagai memegang tangan, duduk berhadapan, minta pertolongan dan minta perhatian melalui bertanya.

vi. Penggabungan.

Manusia secara nalurinya hidup ingin berkongsi dengan individu yang lain, susah senang perlu untuk bergabung. Apabila bergabung maka akan berlaku perlakuan yang nampak atau tidak nampak.

vii. Saling mempengaruhi.

Nyata sekali manusia berkelakuan dan berinteraksi. Lazimnya sikap ini ditunjukkan untuk menggambarkan kekuasaan dari segi umur dan jantina.

viii. Faktor kebudayaan.

Pola perlakuan manusia banyak dipengaruhi oleh budaya. Ada individu yang mementingkan pencapaian yang terbaik dalam penghidupannya. Mereka mengutamakan tugas dan begitu teliti dalam menyiapkan tugasnya.

Saya memilih Teori Simbolik Interaksi dalam kajian ini untuk mengaitkan sambutan para pemulih dengan program-program pemulihan. Sambutan ini datangnya dari kalangan para pemulih sendiri. Maka pelbagai tingkah-laku dan kelakuan-kelakuan yang mereka tunjukkan sebagai simbol-simbol untuk memahami tentang reaksi mereka terhadap program pemulihan tersebut. Dalam melihat perhubungan antara para pemulih ini, menampakkan asas-asas pertimbangan dan penelitian dari pengkaji.

Dalam Teori Simbolik Interaksi , Mead mengkaji interaksi antara individu-individu dalam proses perhubungan di antara pelbagai peribadi melalui lambang-lambang ataupun simbol-simbol kelakuan dan makna-makna yang khusus terhadap lambang itu sehingga terbentuk suatu rangkaian perhubungan dan pergaulan yang regular, mantap dan stabil.

Dengan ini kelakuan dan simbol-simbol yang sudah diterima membolehkan berinteraksi pemulih dengan pengkaji. Pengkaji pula akan menilai simbol-simbol dan kelakuan-kelakuan yang ditunjukkan terhadap sambutan pemulih pada program pemulihan.

Ada di antara pemulih yang bersifat agresif apabila diajak berinteraksi dengan pengkaji berhubung dengan sambutan terhadap program pemulihan. Ada juga pemulih yang tidur, duduk bersempang-sempang, melawan arahan guru dan memberontak ketika berada di dalam kelas. Ini menunjukkan sikap yang negetif terhadap sambutan program pemulihan . Tidak kurang juga di antara para pemulih yang menunjukkan tindak-balas positif terhadap program pemulihan. Ini dibuktikan dengan penghasilan barang-barang yang berkualiti dan sikap selalu bertanya pada guru-guru di kelas kemahiran berhubung dengan perkara yang kurang difahami oleh para pemulih.

Kesemua bentuk-bentuk kelakuan dan simbol ini penting bagi saya untuk melihat sambutan para pemulih terhadap program-program pemulihan. Dengan adanya Teori Simbolik Interaksi memberikan saya garis panduan kasar mengenai simbolik-simbolik interaksi yang ditunjukkan baik dari kalangan para pemulih ataupun tenaga pentadbiran.

4. Teale J.E., Juvenile Delinquency, F.S. Peacock Publisher, New York, 1978, hlm. 1.
4. Teale J.E., Juvenile Delinquency, F.S. Peacock Publisher, New York, 1970, hlm. ?.
5. Paul Leman, Community Treatment and Social Control, Chicago & London, 1975, hlm. 10.
-

NOTA KAKI:-

1. Gibbons D.C. , Delinquent Behavior, New Jersey, 1976, hlm. 5.
2. Louis P. Carney, Corrections; Treatment and Philosophy, kira-kira New Jersey, 1980, hlm. 26.
3. Trojanowicz R.C. , Juvenile Delinquency :- Concepts and Control New Jersey, 1978, hlm. 1.
4. Teele J.E., Juvenile Delinquency, F.E. Peacock Publisher, 1970, hlm. 7.
5. Paul Leman, Community Treatment and Social Control, Chicago & London, 1975, hlm. 10.

Penulisan nama sekolah ini kerana tidak ada bujuk kekeliruan nama asal sekolah ini dengan nama seolah sekolah formal di sini.

Sekolah ini didirikan bagi memberi pendidikan pada anak-anak gadis yang berusia di antara 10 hingga 18 tahun yang tergolong ke dalam

- 
- i. Mendidik budak-budak serupa pada kehidupan yang seapurna.
  - ii. Mempersiapkan tindak-laku mereka.
  - iii. Memberi bimbingan akhlak yang baik melalui program-program pemulihara serta meningkatkan kebolehan dan kemampuan murid di dalam perbagai keshirian.

2.1.1 Kumpulan Sasaran

Kumpulan murid bagi ditempatkan di sekolah ini adalah pesalah-pesalah muda perempuan yang berusia di antara 10 hingga 18 tahun tanpa perintah. Maka surat jurama dibuat.

## BAB 2.

### 2.1 Latar Belakang Sekolah Tunas Bakti Sungai Lereh, Melaka.

Sekolah Tunas Bakti Sungai Lereh Melaka ini terletak kira-kira 3.6 kilometer dari Bandar Melaka. STB adalah satu-satunya sekolah pemulihan akhlak yang pertama didirikan di negara ini. Ia adalah di bawah kelolaan Kementerian Kebajikan Masyarakat Malaysia. STB telah ditubuhkan pada tahun 1953 dan pada masa itu dikenali dengan nama Sekolah Perempuan Sungai Lereh, Melaka. Kemudian pada tahun 1983 Kementerian Kebajikan Masyarakat Malaysia telah menukarkan nama sekolah ini Sekolah Tunas Bakti Sungai Lereh, Melaka. Tujuan penukaran nama sekolah ini kerana tidak mahu wujud kekeliruan nama asal sekolah ini dengan mama salah sebuah sekolah formal di sini.

Sekolah ini didirikan bagi memberi pendidikan pada anak-anak gadis yang berumur di antara 10 hingga 18 tahun yang tergolong ke dalam remaja nakal (juvenile delinquency). STB ini berfungsi untuk:-

- i. Mendidik budak-budak perempuan pada kehidupan yang sempurna.
- ii. Memperbaiki tingkah-laku mereka.
- iii. Memberi bimbingan akhlak yang baik melalui program-program pemulihan serta meningkatkan kebolehan dan kemampuan murid di dalam pelbagai kemahiran.


#### 2.1.1 Kumpulan Sasaran.

Kumpulan sasaran bagi ditempatkan di STB ialah semua pesalah-pesalah muda perempuan yang berusia di antara 10 hingga 18 tahun semasa perintah Mahkamah Juvana dibuat.

( 16 ).

Gambarajah 2.1.1 (a):-

Carta Organisasi Sekolah Tunas Bakti Sungai Lereh, Melaka.



Jadual 2.1.1 (b):-

Kedudukan Kakitangan STB Januari, 1990

<u>Bil.</u>	<u>Jawatan</u>	<u>Bil. Isi</u>	<u>Bil.Kosong</u>	<u>Jumlah</u>
1.	Pengetua.	1		1
2.	Timbalan Pengetua.	1		1
3.	Pegawai Rundingcara.	1		1
4.	Pembantu Keb. Masyarakat.	10	1	11
5.	Pegawai Kerani.	1		1
6.	Kerani Rendah.	1		1
7.	Guru.	1	3	4
8.	Penyelenggara Stor.	1		1
9.	Penolong Peng. Pertukangan.	1		1
10.	Tukang Jahit.	1		1
11.	Tukang Masak.	2		2
12.	Penolong Dapur.	1		1
13.	Jaga.	6		6
14.	Pekerja Am.	2		2
15.	Pemandu.	1		1
<u>Jumlah</u>		<u>21</u>	<u>4</u>	<u>35</u>

( 17 ).

#### 2.1.2 Tempoh Tahanan dan Jenis Tahanan.

Pesalah ini ditahan selama 3 tahun. Namun demikian terdapat dua jenis tahanan:-

i. **Kes Tahanan Tetap.**

Semua perintah di bawah Akta Mahkamah Juvana, 1947 di dalam Laws of Malaysia. Semua pemulih di bawah Seksyen 12 dan Seksyen 37 ditempatkan di STB .

ii. **Kes Tahanan Sementara.**

Kes ini adalah kes sebelum pesalah dijatuhkan hukuman tetap.

#### 2.2 Had Muatan.

STB hanya mampu menempatkan pemulih-pemulih seramai 150 orang saja.

Jadual 2.2 (a):-

#### Jumlah Penghuni STB 1986 hingga Mei 1990.

Tahun Bangsa	1986	1987	1988	1989	1990
Melayu	79	83	85	96	97
Cina	64	35	32	28	27
India	37	32	28	24	23
Lain <sub>2</sub> Bangsa	2	1	1	3	2
Jumlah	182	151	146	151	149

### 2.3 Jenis Keluaran.

Terdapat dua cara untuk mengeluarkan pemulih dari STB.

#### i. Cubaan lesen.

Cubaan lesen adalah satu jenis keluaran dengan bersyarat. Di antaranya ialah pemulih didapati berkelakuan baik semasa dalam tempoh tahanan dan pemulih ada menunjukkan kemajuan diri. Di samping itu juga kelulusan Lembaga Pelawat amat penting bagi kes cubaan berlesen ini. Pemulih juga mesti berada di STB tidak kurang dari 12 bulan. Kemudiannya pesalah boleh dikeluarkan dari STB untuk pulang kembali ke pangkuhan masyarakat. Namun demikian tempoh 3 tahun masih terus berjalan ataupun berkuat-kuasa. Dalam tempoh tersebut pemulih diletakkan di bawah seliaan pegawai akhlak di tempat pemulih. Selesai tempoh 3 tahun maka diadakan pula seliaan lanjutan yang memakan masa selama satu tahun.

#### ii. Keluaran tamat perintah.

Setelah 3 tahun pemulih berada di STB dan menjalani program pemulihan, pemulih akan dikeluarkan dari STB. Seliaan lanjutan selama setahun akan dijalankan ke atas pemulih oleh Pegawai Akhlak di tempat pemulih.

### 2.4 Program Pemulihan.

#### i. Pemulihan Fizikal:-

Tujuan pemulihan fizikal ini diadakan kerana untuk membina seorang pemulih yang sihat dan cergas. Di samping itu program fizikal ini juga melatih seseorang pemulih lebih berdisiplin, bersifat tolenrasi, saling bekerjasama dan saling hormat-menghormati di antara pemulih-pemulih yang lain dan tenaga

( 19 ).

pentadbiran di STB. Program fizikal ini juga bertujuan untuk membina daya ketahanan diri dan keyakinan pada diri pemulih serta menanamkan rasa harga diri pada diri mereka. Menerusi program fizikal, semangat kesukaran dan semangat kumpulan dapat dipupuk di kalangan diri pemulih.

ii. Pemulihan Sosial:-

Pemulihan sosial pula bertujuan untuk membina seseorang pemulih dapat menyesuaikan diri dengan keluarga, kelompok sebaya dan masyarakat. Tujuan pemulihan sosial ini dicapai menerusi penekanan kepada prinsip-prinsip Rukunegara pada diri pemulih-pemulih. Menerusi pemulihan sosial ini, para pemulih dapat menimbulkan semangat kepunyaan, semangat setiakawan dan kerjasama serta perasaan tanggungjawab. Di samping itu dengan adanya pemulihan sosial ini, para pemulih dapat membezakan antara baik dan buruk dalam membuat keputusan.

iii. Pemulihan Psikologi & Mental:-

Program ini diadakan bertujuan untuk mewujudkan ketahanan diri pemulih dengan penghayatan nilai-nilai murni. Program psikologikal & mental mengajar para pemulih tentang kejujuran, kasih-sayang, jimat cermat dan sikap bekerjasama di antara satu sama lain. Selain daripada itu menerusi program psikologikal dan mental ini dapat menanamkan sifat kerajinan dan daya usaha dari pemulih-pemulih.

iv. Pendidikan Agama:-


Program ini pula diadakan bertujuan untuk bertujuan menerapkan pegangan hidup berdasarkan keimanan dan amalan. Matlamat ini dapat dicapai menerusi pembelajaran agama, mengamalkan ibadah dan sembahyang.

v. Latihan Kemahiran/ Kelas-Kelas Vokeysional:-

Tujuan utama diadakan latihan kemahiran ini kerana untuk melengkapkan kemahiran yang cukup pada diri pemulih. Tujuan ini dapat dicapai menerusi latihan-latihan vokeysional yang diberikan pada diri pemulih. Dengan cara ini, secara tidak langsung dapat mencungkil atau mengesan kebolehan dan bakat kemahiran pada diri pemulih.

Gambarajah 2.4.1:-

Gambarajah Program Pemulihan Di STB.




( 21 ).

Gambarajah 2.4.2( a ):-

Perkhidmatan Pemulihan Di STB.


Gambarajah Perkhidmatan Pemulihan Di STB.



( 22 ).

Gambarajah 2.4.2 ( b ):- pada bahagian buk tiap-tiap baris. Sila per-

Perkhidmatan Pemulihan Di STB.



( 23 ).

( 24 ).

## 2.5 Disiplin Sekolah.

Sistem memberi markah pada kelakuan baik dan buruk. Sistem pemulih baru terwujud sejak orientasi selama 3 bulan. Berian markah ini juga meliputi kualiti kerja tangan yang mereka kerjakan akan ditempatkan di saper STB. Bulan-bulan orientasi

ataupun cawangan ini diadakan untuk membolehkan Pegawai Rundingan wujud pengal-pasti awal pemulih yang baru. Di samping itu

### Jadual 2.5.1:-

#### Sistem Pembahagian Gred Di STB.

Gred	Bulan	Mata
A	Lebih 18	200
B	10 - 17	100
C	9 - 4	50
D	3 - 2	20

#### 2.7 Pelajaran, Latihan dan Aktiviti-Aktiviti Di STB.

Dalam menjalankan program pemuliham, STB mengadakan perkhidmatan pemulih. Perkhidmatan pemulih ini meliputi:-

i. Latihan dan kerja latihan.

ii. Jagaan dan lindungan.

iii. Hukuman ataupun dendaan seperti mencabut rumput, membasuh bilik air dan sebagainya lagi dikenakan kepada pemulih-pemulih yang melanggar disiplin sekolah.

vi. Rindah.

vii. Ke-kurikulum.

viii. Latihan kemahiran.

Bilik Sumber  
Jabatan Antropologi & Sosiologi  
Universiti Malaya

Setiap pemulih di STB mesti menjalani kesemuanya perkhidmatan ini.

### 2.6 Tempoh Orientasi Pemulih Baru.

Pemulih baru terpaksa menjalani tempoh orientasi selama 3 bulan. Mereka ini akan ditempatkan di dapur STB. Bulan-bulan orientasi ataupun suai-kenal ini diadakan untuk membolehkan Pegawai Runding-cara mengenal-pasti masalah pemulih yang baru. Di samping itu Pegawai Rundingcara berusaha pula mengenal-pasti kelemahan diri yang wujud dalam diri pemulih dan beliau juga berusaha mencungkil minat atau kecenderungan pemulih dalam satu-satu bidang kemahiran. Selepas tempoh 3 bulan, pemulih-pemulih ini akan ditempatkan di kelas-kelas kemahiran mengikut kecenderungan masing-masing.

Walau bagaimanapun bagi pemulih-pemulih baru yang tidak tahu asas-asas 3M akan ditempatkan di kelas akademik. Mereka akan ditempatkan di kelas-kelas vokeysional setelah pihak pentadbir merasa puas hati di atas pencapaian akademik mereka.

### 2.7 Pelajaran, Latihan dan Aktiviti-Aktiviti Di STB.

Dalam menjalankan program-program pemulihan, STB mengadakan perkhidmatan pemulihan. Perkhidmatan pemulihan ini meliputi:-

- i. Latihan dan kerja luar.
- ii. Jagaan dan lindungan.
- iii. Kaunseling dan bimbingan.
- iv. Keifesianan.
- v. Pelajaran
- vi. Riadah.
- vii. Ko-kurikulum.
- viii. Latihan kemahiran.

Setiap pemulih di STB mesti menjalani kesemua perkhidmatan ini.

#### 2.7.1 Pelajaran Akademik.

Pelajaran akademik di STB adalah berbeza dengan pelajaran atau pendidikan formal di sekolah-sekolah kerajaan atau swasta. Pelajaran ataupun pendidikan akademik di STB hanya diberikan pada pemulih yang buta huruf dan pemulih yang telah tercicir di dalam pelajaran termasuklah mereka yang pernah belajar di sekolah rendah jenis kebangsaan. Bahasa pengantar yang digunakan di dalam pelajaran akademik di STB ini ialah Bahasa Malaysia.

Tujuan kemudahan pelajaran akademik untuk memberi peluang kepada pemulih-pemulih yang buta huruf menerima pendedahan asas-asas 3M. Mereka akan diajar oleh seorang guru akademik yang ditempatkan di STB. Guru akademik ini juga mengajar ilmu pengetahuan am kepada pemulih-pemulih. Ujian juga diadakan dengan tujuan untuk menguji pencapaian dan pemahaman pemulih-pemulih di dalam pelajaran akademik.

Setelah pemulih-pemulih ini berjaya dalam ujian-ujian yang diberikan dan pihak pentadbir merasa puas hati di atas pencapaian mereka itu maka pemulih-pemulih ini akan dipindahkan ke kelas-kelas kemahiran mengikut minat dan kecenderungan mereka. Buat masa sekarang iaitu sehingga Mei, 1990 terdapat seramai 16 orang pemulih di kelas bimbingan akademik.

#### 2.7.2 Pendidikan Agama.

Tidak ketinggalan juga dalam program-program pemulihan diselitkan juga kelas-kelas agama Islam. Oleh kerana jumlah para pemulih yang beragama Islam lebih ramai daripada pemulih-pemulih yang beragama Buddha, Hindu ataupun Kristian maka sebuah surau telah didirikan untuk kemudahan beribadat di kalangan pemulih-pemulih Islam. Mereka yang beragama Islam diajar matapelajaran agama Islam serta mengaji

Mukkhadam dan al-Quran. Di samping itu juga para pemulih diajarkan cara-cara mengerjakan ibadat sembahyang dan menghafal doa-doa yang khusus.

Pendidikan Islam diajar oleh ustazah-ustazah yang dijemput dari Majlis Agama Islam Melaka. Terdapat ceramah-ceramah agama sekali dalam seminggu. Kelas-kelas agama diadakan empat kali dalam seminggu.

Di samping pelajaran dan pendidikan agama Islam, STB juga menyediakan ataupun menjalankan pertandingan membaca Mukkhadam dan al-Quran di antara pusat-pusat pemulihan akhlak yang lain.

Pemulih-pemulih yang bukan beragama Islam juga diberikan pelajaran dan pendidikan agama masing-masing. Semua pemulih dibenarkan ke kuil-kuil atau gereja-gereja bagi menjalankan ibadat mereka. Tugas untuk membawa mereka ke gereja ataupun ke kuil diberikan kepada Pembantu Kebajikan Masyarakat yang beragama Buddha atau Kristian ataupun juga Hindu. Sekiranya ada perayaan-perayaan agama, semua pemulih akan dibawa ke kuil-kuil atau tokong-tokong ataupun gereja-gereja di sekitar bandar Melaka untuk turut meraikan upacara tersebut. Mereka juga turut diawasi oleh Pembantu Kebajikan Masyarakat.

### 2.7.3 Pendidikan Vokeysional.

Kelas-kelas latihan kemahiran/vokeysional turut diadakan di STB. Di antara kelas-kelas kemahiran yang didapati di STB ialah Kelas Jahitan Asas, Kelas Jahitan Lanjutan, Kelas Sulaman & Mengait & Kraftangan, Kelas Catering dan Kelas Urusan Rumahtangga. Di samping itu juga turut diadakan kawasan untuk berkebun, membina dan menghias taman bunga dan bangunan serta kawasan sekolah.

Aktiviti berkebun termasuklah menanam sayur-sayuran dan bunga-bungaan. Aktiviti berkebun ini dibimbing oleh seorang tukang kebun

( 27 ).

sekolah. Jabatan Pertanian Negeri Melaka turut memberikan sumbangan benih pokok, baja, racun serangga dan nasihat-nasihat serta perkhidmatan lanjutan yang lain-lain yang menyentuh aspek-aspek pertanian.

Kelas-kelas kemahiran ini dijalankan dari jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang pada hari Isnin hingga Jumaat dan pada hari Sabtu, kelas-kelas tersebut bermula dari jam 8.00 hingga 12.30 tengahari. Pada hari Ahad adalah hari cuti umum bagi STB.

Jadual 2.7.4:-

**Kelas-Kelas Vokeyisional Mengikut Kaum Di STB 1990**

PENDIDAKAN KERJASAMA DAN KEBUDAYAAN

Kelas	Bilangan Pemulih Ikut Kaum				% Jumlah			
	Melayu	Cina	India	%				
Jahitan Asas	29	33	6	26.1	4	28.6	39	31.2
Jahitan Lanjutan	20	22.7	3	13	1	7.1	24	19.2
Mengait & Kraftangan	24	27.3	10	43.5	7	50	41	32.8
Menyulam								
Catering & URT	15	17	4	17.4	2	14.3	21	16.8
Jumlah	88	100	23	100	14	100	125	100

Lebih kurang 83.9 % pemulih-pemulih di STB melibatkan diri mereka dalam kelas-kelas vokeysional. Pemulih-pemulih yang lainnya terpaksa menghadiri aktiviti-aktiviti dalam bulan orientasi dan kelas akademik. Ada di antara pemulih-pemulih ditugaskan menjaga gerai-gerai yang menjual hasil-hasil kraftangan para pemulih.

Kemasukkan pemulih-pemulih ke kelas-kelas kemahiran itu adalah berdasarkan kecenderungan dan kebolehan mereka pada satu-satu bentuk latihan kemahiran. Pemulih-pemulih juga diberikan kemudahan lain. Ini termasuklah latihan jasmani, permainan, sukan, berkawad, mempelajari tarian kebudayaan kebangsaan dan mempelajari cara-cara bermain alat muzik. Di STB ini terdapat persatuan-persatuan seperti Persatuan Pandu Puteri, Pasukan Pancaragam, Bulan Sabit Merah dan Persatuan Kesenian dan Kebudayaan.

Di dalam kerja-kerja mengeluarkan hasil-hasil kraftangan, sekolah ini ada menyediakan hadiah-hadiah untuk diberikan kepada pemulih-pemulih yang dapat mengeluarkan hasil kraftangan yang baik dan bermutu. Hadiah-hadiah ini diberikan pada peringkat pertama, kedua dan ketiga. Sehingga kini belum ada lagi sebarang sijil yang dikeluarkan kepada para pemulih yang pernah mengikuti latihan kemahiran ini di STB. Walau bagaimanapun ada cadangan ataupun ura-ura untuk menjadikan kelas-kelas vokeysional itu sebahagian dari bengkel dengan cara mengambil tempahan dari orang ramai dan rumah-rumah kebajikan yang lain.

Kesimpulannya, dalam Bab 2 ini membincangkan semua program pemulihan yang terdapat di STB. Kesemua para pemulih terpaksa melibatkan diri ke dalam program-program pemulihan ini.

## BAB 3.

### 3.1 Analisa Data.

Pelbagai program pemulihan yang dijalankan di STB dalam proses pemulihan bagi para pemulih yang ditempatkan di sini. Program ini meliputi aspek-aspek pemulihan fizikal, sosial, psikologikal & mental, agama dan kelas-kelas lemahiran. Di dalam kajian ini, saya lebih mengkhusus kepada program pemulihan latihan kemahiran.

Di dalam mengkaji tindak-balas responden terhadap masa kelas kemahiran itu dijalankan didapati 58% responden bersetuju dengan masa yang telah sedia ada. Seramai 40% pula bersetuju dengan masa kelas-kelas kemahiran itu ditambah. Ini dapat dilihat dalam jadual di bawah.

Jadual 3.1.1:-

Kaitan Antara Kelas-Kelas Kemahiran Dengan Tempoh Waktu.

Kelas Kemahiran	Tempoh Waktu		
	Ditambah	Cukup	Dikurangkan
Masakan	4	20	5
	%	%	%
Jahitan	8	40	16
			55.2
Menyulam			1
Mengait	8	40	18
Kraftangan			27.6
Jumlah	20	100	29
			100
			1
			100

( 30 ).

Kelas-kelas kemahiran ini dijalankan dari jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang pada hari Isnin hingga Jumaat dan pada hari Sabtu dari jam 8.00 pagi hingga 12.30 tengahari. Daripada kajian yang saya jalankan, responden bersetuju untuk ditambahkan masa kerana didapati ada di antara mereka memerlukan masa yang agak lama untuk mempelajari asas-asas kemahiran yang tertentu. Sebagai contohnya responden dari Kelas Jahitan Asas terpaksa mempelajari asas-asas jahitan yang selama ini tidak pernah responden-responden itu pelajari. Ada juga di antara mereka masih tidak tahu mengukur dengan tepat ukuran yang telah diberikan walaupun mereka telah diberikan pendedahan asas-asas 3M. Responden-responden ini mengalami masalah untuk menyesuaikan diri dan mempelajarinya. Pada setiap dua minggu sekali diadakan ujian yang bertujuan untuk mengenal-pasti kecekapan mereka ini. Ujian ini penting dalam menentukan gred-gred yang mereka perolehi. Dalam satu ujian yang dijalankan, pemulih diberi masa selama 4 jam untuk menyudahkan sehelai blaus. Didapati hanya dua orang saja dapat menyiapkan blaus tetapi mereka mengambil masa lebih dari yang ditetapkan. Pemulih yang lainnya pula memakan masa lebih dari sehari untuk menyudahkan.

Walau bagaimanapun saya cuba mengaitkan faktor tindak-balas responden terhadap tugas-tugas yang dilakukan. Di dalam Jadual 3.1.2 adalah didapati 88% daripada responden akan segera menyiapkan tugas-tugas yang diserahkan kepada mereka manakala 6% sahaja akan menyiapkan apabila berdasarkan 'mood' mereka.

Daripada kenyataan di atas, saya membuat satu kesimpulan bahawa mereka berusaha untuk menyiapkan kerja-kerja yang diberikan dengan seberapa segera yang mungkin. Namun mereka ternyata masih tidak berjaya menyudahkannya dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.

Jadual 3.1.2:-Kaitan Antara Kelas-Kelas Kemahiran Dengan Tindak-Balas Responden Terhadap Tugas Yang Dilakukan.

Kelas Kemahiran	Tindak-balas		
	Segera %	Disuruh %	Lain %
Masakan	7 15.9	1 33.3	
Jahitan	23 52.3	1 33.3	2 66.7
Menyulam Mengait Kraftangan	14 31.8	1 33.3	1 33.3
Jumlah	44 100	3 99.9	3 100

Ini adalah disebabkan responden cepat lupa dengan apa yang diajar oleh guru sebelum diadakan ujian itu. Oleh kerana itu mereka kekurangan asas-asas ilmu pengetahuan mengenai tugas-tugas yang dilakukan. Timbul juga masalah ada di kalangan responden yang masih tidak dapat lagi menguasai asas-asas mengira dan membaca. Dengan ini mereka tidak dapat menyudahkan tugas yang diberikan kepada mereka dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Setelah itu saya cuba pula mengaitkan antara tempoh masa responden berada di STB dengan darjah keminatan mereka terhadap program-program pemulihan vokeysional. Ini dapat dilihat dalam Jadual 3.1.3.

Jadual 3.1.3:-

Kaitan Tempoh Masa Responden Berada Di STB Dengan  
Darjah Keminatan Mereka Terhadap Program Pemulihan  
Vokeysional.

Tempoh Masa ( bulan )	Darjah Keminatan			
	Amat Menarik	Menarik	Kurang Menarik	Tidak Menarik Langsung
%	%	%	%	%
Kurang 8	2 11.1	3 12.5		
9 - 17	4 22.1	7 29.2	1 14.3	1 100
18 - 26	10 55.6	8 33.3	5 71.4	
27 - 35	2 11.1	6 25	1 14.3	
Jumlah	18 100	24 100	7 100	1 100

Sebanyak 20% orang responden yang telah berada di STB antara 18 hingga 26 bulan melahirkan darjah keminatan amat menarik di sepanjang penglibatan mereka ke dalam kelas-kelas vokeysional. Alasan-alasan yang diberikan oleh mereka ialah di antaranya, kelas-kelas kemahiran yang diadakan dapat menanamkan minat yang tinggi pada mereka dan responden-responden ini berhasrat untuk menjadikan pengalaman yang mereka perolehi sebagai sumber pekerjaan kelak. Alasan yang lain ialah adanya inisiatif yang diberi oleh pihak

pentadbir STB, iaitu memberikan duit saguhati sebagai menghargai titik-peluh mereka.

Manakala di kalangan responden yang berada di antara kurang dari 8 bulan di STB dan 27 hingga 35 bulan, masing-masing cuma 4% sahaja merasakan kelas-kelas kemahiran itu amat menarik. Saya merasakan bahawa mereka yang dimasukkan selama kurang dari 8 bulan di STB baru sahaja didedahkan pada aktiviti-aktiviti tersebut. Jadi mereka belum sepenuhnya terlibat dalam kelas-kelas kemahiran. Lagipun, jumlah responden dalam lingkungan tempoh masa tersebut adalah kecil bilangannya jika dibandingkan dengan responden dari tempoh masa yang lain.

Responden yang sudah ditahan selama di antara 27 hingga 35 bulan menunjukkan peratusannya yang rendah kerana tempoh masa yang agak lama menimbulkan sikap kurang menarik minat mereka terhadap kelas-kelas vokeysional ini. Mereka lebih cenderung memikirkan rancangan-rancangan yang harus dilakukan dan kehidupan yang bakal dilalui apabila keluar dari STB.

Walau bagaimanapun responden yang telah berada di STB antara 18 hingga 26 bulan yang sebanyak 10% melahirkan darjah keminatan kurang menarik terhadap kelas-kelas kemahiran itu. Alasan-alasan yang diberikan oleh mereka ialah kekurangan tenaga pengajar untuk memberi pendidikan dan menjalankan kelas-kelas kemahiran, akhirnya mengurangkan rasa minat mereka dan timbul pula kebosanan pada diri mereka. Tetapi ini juga ada kaitan dengan sikap mereka sendiri tidak cuba untuk terlibat secara serius dalam kelas-kelas tersebut dan tidak memberi perhatian yang sepenuhnya kepada apa yang diajar oleh guru-guru di kelas-kelas kemahiran itu.

( 34 ).

Cuma seorang sahaja responden yang melahirkan darjah keminatan tidak menarik langsung terhadap kelas kemahiran itu. Setelah dilakukan kaji-selidik, didapati responden itu masih tidak dapat menerima hakikat bahawa beliau terpaksa ditempatkan di STB dan menyalahkan pihak keluarga dan sekolah. Oleh kerana itu beliau merasakan tidak perlu menanamkan minat dan melahirkan perasaan tertarik hati dengan program-program pemulihan yang dijalankan.

Di dalam Jadual 3.1.4 di bawah didapati 52% merasakan aktiviti-aktiviti kemahiran di STB menarik bagi diri mereka. Sebanyak 42% melahirkan darjah keminatan amat menarik terhadap kelas-kelas kemahiran tersebut.

Jadual 3.1.4:-

Kaitan Kelas-Kelas Vokeysional Dengan Darjah Keminatan Responden.

Kelas-Kelas Vokeysional	Darjah		Keminatan		%	%	%
	Amat Menarik	Menarik	Kurang Menarik	Tidak Menarik			
Masakan	5	24	4	15	12	1	12
Jahitan	1	5	10	39	3	38	1
Mengait Menyulam Kraftangan	15	71	12	46	4	50	
Jumlah	21	100	26	100	8	100	1

(35).

Daripada analisa yang dijalankan, didapati responden-responden ada yang menjalani lebih dari satu kelas kemahiran. Oleh kerana itu mereka mendapat pendedahan dari pelbagai kemahiran. Ini memberikan pengalaman yang berguna pada diri mereka. Di samping itu mereka pula turut mengambil bahagian dalam tempahan-tempahan yang ditangkap dari luar sekolah.

Sebanyak 16% orang responden merasakan aktiviti-aktiviti tersebut kurang menarik kerana ada di antara mereka masih tidak dapat lagi menguasai asas-asas 3M. Rentetan daripada kelemahan ini menyukarkan mereka untuk membaca atau mengira.

Jadual 3.1.5 di bawah cuba mengaitkan antara darjah keminatan responden terhadap masa program pemulihan vokeysional itu diadakan.

Jadual 3.1.5:-

Kaitan Antara Darjah Keminatan Pemulih Dengan Masa  
Kelas-Kelas Vokeysional Itu Dijalankan.

Darjah Kemahiran	Perlu Ditambah %	Masa		Dikurangkan %
		Cukup %	Dikurangkan %	
Amat Menarik	7 41.2	12 37.5		
Menarik	10 58.8	13 40.6		
Kurang Menarik		6 18.8		
Tidak Menarik Langsung		1 3.1	1 100	
Jumlah	17 100	32 100	1 100	

Responden yang melahirkan darjah keminatan amat menarik dan menarik bersetuju andaikata masa kelas-kelas kemahiran itu ditambah. Masing-masing sebanyak 14% bagi kategori amat menarik dan 20% bagi ketagori menarik. Seramai 24% yang merasakan kelas-kelas kemahiran tersebut amat menarik bersetuju dengan masa yang sedia ada. Begitu juga bagi responden yang melahirkan darjah keminatan menarik. Sebanyak 26% daripada mereka merasakan masa yang telah ditetapkan adalah mencukupi. Cuma seorang sahaja responden yang merasakan kelas kemahiran itu tidak menarik langsung dan patut dikurangkan masanya.

Majoriti setuju dengan masa yang sedia ada kerana didapati Jadual Harian sepanjang hari mereka di STB padat dengan pelbagai aktiviti pemulihan. Jadual Harian ini meliputi keseluruhan aspek pemulihan.

Jadual 3.1.5(a):-

Jadual Harian Di STB.

- |               |   |
|---------------|---|
| 6.30 - 7.45   | - Bangun.                                 |
|               | - Sembahyang Subuh.                       |
|               | - Senaman.                                |
|               | - Kerja Am - cabut rumput.                |
|               | - lap tingkap.                            |
|               | - cuci bilik air.                         |
|               | - Mandi                                   |
| 7.45 - 8.00   | - Perhimpunan besar.                      |
|               | - Naik bendera.                           |
|               | - Menyanyi Lagu NegaraKu & Negeri Melaka. |
|               | - Ikrar.                                  |
|               | - Laporan Badan Pengawas STB.             |
| 8.00 - 10.00  | - Masuk kelas.                            |
| 10.00 - 10.30 | - Minum pagi.                             |

- 10.30 - 1.00 - Masuk kelas.  
 1.00 - 2.00 - Makan tengahari.  
     - Sembahyang Zohor.  
 2.00 - 4.30 - Masuk kelas.  
 4.30 - 7.00 - Minum petang.  
     - Solat Asar.  
     - Riadah petang - kawat.  
     - pancaragam.  
     - senaman.  
     - berkebun.  
     - permainan.  
 7.00 - 10.00 - Solat Maghrib.  
     - Kelas dan ceramah Agama Islam.  
 10.00 malam - Minum malam.  
     - Masuk tidur.

Setelah itu saya cuba mengaitkan darjah keminatan responden dengan penglibatan mereka terhadap kelas-kelas vokeysional sebelum mereka dimasukkan di STB.

Di dalam Jadual 3.1.6, didapati 59.9% pernah terlibat dalam jenis-jenis kemahiran yang disediakan di STB sebelum mereka ditempatkan di STB. Sebanyak 40.8% orang responden pula tidak pernah mendapat pendedahan ataupun terlibat sebelumnya ini. Mereka yang ada terlibat dengan jenis-jenis kemahiran itu mendapat bimbingan dari ibubapa, guru-guru dan rakan-rakan.

Pada pendapat saya bahawa penglibatan mereka dalam jenis-jenis kemahiran sebelum dimasukkan di STB penting dalam mempengaruhi darjah keminatan mereka terhadap program pemulihan sedemikian.

( 38 ).

Jadual 3.1.6:-

Kaitan Di Antara Penglibatan Responden Terhadap  
Kelas-Kelas Vokeysional Sebelum Dimasukkan Di STB  
Dengan Darjah Keminatan Mereka Terhadap Kelas-Kelas  
Vokeysional Setelah Mereka Ditempatkan Di STB.

Penglibatan	Darjah Keminatan				% Amat Menarik	% Menarik	% Kurang Menarik	% Tidak Menarik Langsung
	12	70.6	12	50				
Pernah	12	70.6	12	50	4	57.1	1	100
Tidak Pernah	5	29.4	12	50	3	42.9		
Jumlah	17	100	24	100	7	100	1	100

M.V. = 1.

Apabila dijalankan kajian mengenai darjah keminatan responden-responden untuk menjadikan latihan yang mereka terima sebagai salah satu sumber mata pencarian mereka setelah keluar dari STB kelak, sebanyak 8% sahaja yang tidak mahu meneruskannya sebagai salah satu sumber pekerjaan mereka. Adalah didapati sebanyak 92% orang responden yang menunjukkan rasa minat untuk meneruskan kemahiran yang ada dengan cara bekerja sendiri iaitu mengambil tempahan dari orangramai. Manakala sebanyak 30.4% pula ingin menggunakan kemahiran yang ada dengan cara bekerja dengan orang lain. Walau pun sebanyak 23.9% berminat untuk meneruskan kemahiran yang mereka perolehi tetapi

( 39 ).

mereka belum pasti bagaimanakah ianya akan dilaksanakan. Ada pula responden yang berhasrat untuk melanjutkan kemahiran yang ada di pusat-pusat latihan belia yang ada menawarkan jenis-jenis kamahiran yang sedemikian ataupun di sekolah-sekolah persendirian yang ada menawarkan kursus sedemikian. Analisa ini merujuk kepada Jadual 3.1.7.

Jadual 3.1.7:-

Kaitan Antara Darjah Keminatan Responden

Dengan Jenis Pekerjaan.

Jenis Pekerjaan.

Darjah Keminatan	Bekerja Sendiri	Bekerja Dgn. Orang Lain	Belum Pasti	Lain Alasan	Jumlah
	%	%	%	%	%
Minat	19 100	14 100	11 78.6	2 66.7	46 92
Tidak Minat			3 21.4	1 33.3	4 8%
Jumlah	19 100	14 100	14 100	3 100	50 100

Kesimpulannya, pelbagai reaksi dan tindakbalas yang diberikan oleh para pemulih di dalam mengkaji sambutan terhadap program pemulihan akhlak khususnya yang ke arah latihan vokeysional. Reaksi dan tindakbalas yang ditunjukkan sedikit-sebanyak mempengaruhi akan kejayaan STB dalam usaha membaik-pulih akhlak para pemulih.

## BAB 4.

### 4.1 Ringkasan Temu-Bual Dengan Pengetua STB.

Cik Zaleha Bte Kamaruddin telah dilantik menjadi Pengetua di STB semenjak dari 1hb. Ogos, 1989. Menurut beliau bahawa tenaga pengajar di STB tidaklah mencukupi dalam menggendarikan program-program pemulihan. Kekurangan ini ditampung oleh pengambilan tenaga pengajar sambilan. Kementerian Pendidikan Malaysia berjanji akan menghantar guru-guru yang berkenaan bagi mengatasi masalah kekurangan guru ini. Menurut beliau lagi aktiviti-aktiviti yang dijalankan di STB ini khasnya ke arah kemahiran hidup amat memberi manfaat pada diri pemulih. Paling tidaknya mereka boleh berdikari dengan adanya pengetahuan yang diperolehi dari sekolah ini dan akan digunakan kelak. Katanya lagi, sebahagian besar daripada program pemulihan menampakkan akan kejayaannya. Hasil tangan mereka dipasarkan dan mendapat tempahan dari orangramai dan rumah-rumah kebajikan yang lain.

Walau bagaimanapun beliau tidak menafikan bahawa sebahagian daripada pemulih-pemulih ternyata tidak berminat dengan program-program pemulihan. Ini memungkinkan kekesanan program pemulihan ini ke atas diri mereka kurang berkesan. Ini adalah kerana latar belakang diri pemulih yang tidak tahu asas-asas 3M dan ini sedikit-sebanyak mengganggu minat mereka pada kemahiran yang memerlukan asas-asas 3M.

Sebenarnya ada rancangan untuk menjadikan sebahagian aktiviti kemahiran sebagai sebahagian bengkel. Ini adalah cadangan dari Kementerian Kebajikan Masyarakat Malaysia yang kini telah bertukar kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Untuk ke arah itu, Pegawai Perusahaan dilantik bagi menilai mutu keluaran dan mengenal-pasti pasaran. Timbalan Pengetua dilantik memegang jawatan tersebut. Justeru itu telah diambil beberapa

( 41 ).

inisiatif untuk menjayakan rancangan ini. Telah diadakan beberapa percubaan dengan cara mengambil tempahan dari orangramai dan rumah-rumah kebajikan yang ada di sekitar Melaka ini.

Akhirnya harapan beliau terhadap pemulih yang bakal keluar agar dapat menggunakan segala ilmu pengetahuan yang didapati dari STB dapat pula dimanfaatkan pada kehidupan mereka kelak. Seandainya mereka serius mengikuti program pemulihan yang diadakan di sekolah ini, mereka akan berjaya. Masalahnya ada di antara mereka di dalam masa pemulihan berkelakuan baik serta ikuti semua program pemulihan. Setelah mereka keluar, mereka terlibat kembali dengan aktiviti lama mereka. Oleh kerana itu beliau berharap dan menyeru pada keluarga pemulih bahawa terimalah mereka dan saling bekerjasama. Begitu juga kepada orangramai diminta membantu mereka mendapatkan peluang-peluang pekerjaan.

#### 4.2 Ringkasan Temu-Bual Dengan Pegawai Rundingcara STB.

Encik Isa selaku Pegawai Rundingcara di STB telah memulakan perkhidmatannya dari 1hb. Januari, 1988 hingga kajian ini dijalankan beliau masih lagi memegang jawatan tersebut. Tugas seorang Pegawai Rundingcara ialah memberi rundingcara pada para pemulih yang banyak masalah sama ada masalah yang diajukan oleh kakitangan yang bertugas ataupun yang datang sendiri. Rundingcara pula diadakan secara kelompok dan individu. Di samping itu Pegawai Rundingcara mempunyai tugas-tugas seperti greding, orientasi pemulih-pemulih baru, menapis surat-surat yang keluar masuk dan menyelia rundingcara.

Konsep rundingcara ini melibatkan orang yang setuju dirundingcara yakni yang datang dengan sendiri dan pada suatu bahagian lain dimes tikian pada para pemulih. Seolah-olah ini suatu paksaan. Bagi pemulih-

( 42 ).

baru timbul masalah untuk menyesuaikan diri dengan sistem sekolah, perasaan cemas, bimbang, takut, ragu-ragu, tidak yakin untuk menerima hakikat, marah dan benci serta perasaan menyesal. Dengan ini perlu ada khidmat rundingcara untuk menyakinkan diri pemulih menghadapi cabaran hidup dan langkah-langkah ke arah kejayaan.

Di samping itu memberi panduan dalam melakukan satu-satu tugas. Menunjukkan kekurangan diri dan kelebihan yang ada kemudiannya meng-sah bakat semulajadi yang ada pada diri mereka yakni cuba mengembangkan minat dan kecenderungan mereka. Tidak ketinggalan juga membantu perhubungan pemulih-pemulih antara satu sama lain dan perhubungan dengan keluarga.

Selaku Pegawai Rundingcara di STB, beliau tidak lari dari menghadapi masalah-masalah yang ditimbulkan dari pemulih-pemulih baru khasnya dalam usaha mereka menyesuaikan diri dengan alam baru bagi mereka. Apabila ditanyakan sejauhmanakah program pemulihan yang dijalankan di STB dapat memberi kesan pada diri pemulih, yakni meninjau dari segi kejayaan memulihkan akhlak mereka menerusi pelbagai program pemulihan, beliau menjawab sebenarnya tiada wujud satu kayu ukur bagi menentukan kejayaan program pemulihan. Selaku Pegawai Rundingcara hanya dapat menyediakan garis panduan untuk ke arah kejayaan mereka. Jadi terpulanglah pada diri pemulih akhirnya.

Namun demikian beliau berharap dan pihak sekolah amnya mengharapkan agar mereka yang berada di STB selama 3 tahun akan dapat sedikit-sebanyak kesedaran akan kesilapan-kesilapan mereka yang lalu. Tujuan penubuhan sekolah ini bukan untuk menghukum mereka di atas kesilapan-kesilapan mereka yang lalu tetapi sebaliknya untuk membantu diri mereka bangun semula ke arah kejayaan. Sekolah ini adalah tempat terakhir bagi mereka memperbetulkan kesilapan-kesilapan yang lalu

agar tidak berulang lagi.

Semoga segala kemahiran yang diperolehi dari STB dapat digunakan oleh diri pemulih. Walau bagaimanapun bukan sahaja pihak sekolah yang bertanggungjawab memainkan peranan penting bagi kejayaan diri pemulih sebaliknya peranan yang dimainkan oleh ibubapa, penjaga dan masyarakat khususnya penting dalam memberi kehidupan yang baru bagi diri pemulih.

#### 4.3 Penemuan-Penemuan.

Program pemulihan akhlak ini berjaya memberi didikan dan asuhan serta dapat membantu diri pemulih membentuk diri mereka kembali. Program-program pemulihan yang menekan pelbagai aspek sesungguhnya amat memberi manfaat pada diri pemulih. Dengan adanya kerjasama di antara tenaga-tenaga pengajar dan tenaga pentadbiran yang lain berhubung dengan diri pemulih maka proses pemulihan ini dapat berjalan dengan baik.

Walau bagaimanapun saya dapati wujudnya tibdak-balas negatif pada sebahagian daripada responden terhadap program-program pemulihan khasnya yang berasaskan latihan vokeysional. Daripada kajian saya selama 3 minggu 5 hari di STB, saya berpendapat wujudnya keadaan-keadaan sedemikian kerana sikap pemulih sendiri yang tidak serius terhadap tugas-tugas mereka. Kenyataan ini dibuktikan dengan ada di antara mereka yang tidur di dalam kelas, duduk bersempang-sempang, melawan arahan dari guru dan kelemahan dalam menguasai asas-asas 3M. Oleh kerana itu hasil kerja mereka tidak memuaskan hati pentadbir sekolah amnya. Rentetan dari sikap ketidakseriusan mereka itulah juga, mereka membuat kerja akibat terpaksa melakukannya.

Di samping itu mereka juga tidak ada menerima pendedahan sebelum ini mengenai asas-asas 3M dan ini menimbulkan masalah bagi diri pemulih itu sendiri. Ini membabitkan juga minat dan penumpuan pemulih terhadap arahan dari guru. Ada pemulih yang cepat lupa dengan apa yang telah diajar oleh guru. Ada pemulih pula yang tidak dapat memberikan tumpuan sepenuhnya dengan tunjuk-ajaran yang diberikan kerana mereka lebih memikirkan hal-hal lain seperti memikirkan keluarga mereka, merindui khabar berita dari keluarga mereka dan naluri untuk balik kampung menguasai diri pemulih.

Faktor-faktor inilah sedikit-sebanyak menjelaskan keseriusan para pemulih menjalani program-program pemulihan khususnya latihan vokeysional. Oleh kerana itu hasil kerja mereka kadangkala bermutu rendah dan seringkali tidak memuaskan hati guru-guru. Namun demikian saya juga merasakan bahawa adanya kelemahan pada pihak pentadbiran di STB. Pertama sekali saya lihat kekurangan tenaga pengajar untuk kelas-kelas kemahiran yang tertentu. Contohnya kelas URT dan masakan. Akibat daripada ini kelas-kelas tersebut tidak dapat dijalankan seperti biasa. Ini menyebabkan pemulih-pemulih berasa bosan. Walaupun ada tenaga pengajar tetapi ia adalah tenaga pengajar sambilan. Ada waktu yang tertentu dijemput datang bagi menjalankan kelas-kelas tersebut. Hari-hari yang tidak ada guru, pemulih tiada aktiviti lain.

Seperkara lagi, saya merasakan pemulih-pemulih ini memerlukan lebih perhatian dari tenaga pengajar dan Pembantu Kebajikan Masyarakat. Kita tidak dapat mengenepikan antara hal-hal peribadi mereka kerana mereka yang ditempatkan di STB adalah mereka yang bermasalah. Tumpuan dan perhatian yang diberikan baik daripada guru ataupun pun Pembantu Kebajikan Masyarakat boleh merangsang

minat mereka yang seterusnya mendorong untuk terlibat secara serius dalam kelas-kelas vokeysional. Namun kerana kekurangan tenaga yang sedemikian membuatkan pemulih-pemulih serasa diri mereka terbiar dan mereka lebih cenderung untuk berkelompok tanpa melakukan tugas-tugas yang disuruh ataupun mereka hanya melakukan secara sambil lewa sahaja.

#### 4.4 Saranan-Saranan.

Program pemulihan akhlak ini akan lebih memberikan kekesanan pada pemulih seandainya kelemahan-kelemahan yang sedia ada cuba di atasi dengan segera. Masalah kekurangan tenaga pengajar boleh di atasi dengan adanya tindakan dari Kementerian Pendidikan Malaysia menempatkan segera guru-guru yang berkenaan. Amat perlu diberi perhatian bahawa guru-guru itu haruslah berjawatan tetap bukannya sambilan.

Keduanya, saya berharap pihak atasannya khasnya dari Kementerian Perpaduan Negara Dan Pembangunan Masyarakat tidak terlalu bergantung harapan yang tinggi pada pencapaian para pemulih. Ini kerana didapati mereka yang menerima pendedahan dalam kelas-kelas kemahiran terutamanya bukanlah secara sukarela tetapi seolah-olah dipaksa. Oleh kerana itu memerlukan masa dan tenaga serta sikap toleransi bagi memahami keadaan mereka. Apatah lagi sebilangan besar di antara mereka sebelum ini belum didedahkan dengan jenis-jenis kemahiran sedemikian.

Walau bagaimanapun mereka yang telah dikenal-pasti dan dipercayai serta diberikan peluang untuk menggandalikan sendiri permintaan dari luar terhadap kerja tangan mereka harus diberikan perhatian yang wajar. Cadangan dari pihak Kementerian Perpaduan Negara dan

Pembangunan Masyarakat Malaysia untuk menjadikan kelas-kelas kemahiran itu sebahagian dari bengkel adalah satu cadangan yang baik. Dengan langkah sedemikian hasil kerja-tangan mereka dapat dipasarkan. Ini pula akan menanamkan minat dan keyakinan pada diri mereka untuk meneruskan usaha ini setelah mereka keluar dari STB. Kelebihan pengklusteran atau penempatan yang utama pada program yang boleh mendefinikan para pemulih kepada dunia pekerjaan. Program pemulihan ini semoga berjaya menarik minat para penabur dengan adanya beberapa aktiviti ke arah menajukan program ini yang sebaik dan akan dijalankan.

Kejayaan program pemulihan ini secara umumnya bergantung kepada penglibatan secara serius dari para pemulih sendiri. Kelemahan-kelemahan yang wujud pada diri pemulih seperti memandang sambil lelu dan tidak serius terhadap tugas yang diperlengkungjawabkan ke atas pemulih, tidak mendengar perahan dari guru, tisur dan berkorak-korak di dalam bilik, suka untuk menerima teguran dan kelembutan menggunaai STB sedikit-sedikit mengganggu kelancaran perjalanan program pemulihan ini. Hal ini semoga di dalam kelas-kelas kemahiran.

Pada pandangan beribidi Pengetua dan Pegawai Haddingeara STB semoga negara akan menyadari akan kesilapan-kesilapan yang lalu di samping berjaya menimbulkan ilmu pengetahuan yang ada di STB agar dapat disanftarkan kepada diri mereka kelak. Sekolah ini hanya menyediakan garis panduan untuk ke arah kejayaan mereka dan diri mereka, sebahinya turpelangkah pada diri pemulih menggandalikan kehidupan mereka.

Walau bagaimanapun peranan yang dimainkan oleh ibuapa, penjaga dan masyarakat penting dalam membantu diri pemulih menggandalikan kehidupan mereka. Dengan peranisan diri mereka ke dalam anggota masyarakat membentuk sinar baru ke arah membina kehidupan mereka.

## BAB 5.

### 5.1 Penutup.

Dalam kajian sambutan para pemulih terhadap proses pemulihan akhlak di STB melibatkan semua program pemulihan. Walau bagaimanapun dalam kajian ini mengkhusus lebih kepada pemulihan latihan vocation. Pengkhususan atau penumpuan yang utama pada program yang boleh mendedahkan para pemulih kepada dunia pekerjaan. Program pemulihan ini sesungguhnya berjaya menarik minat para penghuni dengan adanya beberapa aktiviti ke arah memajukan program ini yang sedang dan akan dijalankan.

Kejayaan program pemulihan ini secara umum banyak bergantung kepada penglibatan secara serius dari para pemulih sendiri. Kelemahan-kelemahan yang wujud pada diri pemulih seperti memandang sambil lewa dan tidak serius terhadap tugas yang dipertanggungjawabkan ke atas pemulih, tidak mendengar arahan dari guru, tidur dan berborak-borak di dalam kelas, sukar untuk menerima teguran dan kelemahan menguasai 3M sedikit-sebanyak mengganggu kelancaran perjalanan program pemulihan ini. Ini khususnya di dalam kelas-kelas kemahiran.

Pada pandangan peribadi Pengetua dan Pegawai Rundingcara STB semoga mereka akan menyedari akan kesilapan-kesilapan yang lalu di samping berjaya menimba ilmu pengetahuan yang ada di STB agar dapat dimanfaatkan kepada diri mereka kelak. Sekolah ini hanya menyediakan garis panduan untuk ke arah kejayaan memperbaiki diri mereka, selebihnya terpulanglah pada diri pemulih sendiri untuk memperbaiki kehidupan mereka.

Walau bagaimanapun peranan yang dimainkan oleh ibubapa, pengaga dan masyarakat penting dalam membantu diri pemulih menggandalikan kehidupan mereka. Dengan penerimaan diri mereka ke dalam anggota masyarakat memberi sinar baru ke arah membina kehidupan mereka.

Bibliografi:-

1. Albert K. Cohen, Deviance And Control, New Jersey, 1966.
2. Coffey, Alan R., Juvenile Corrections: Treatment And Rehabilitation, New Jersey, 1975.
3. Gibbons, Don C., Delinquent Behavior, New Jersey, 1970.
4. Lemert, Edwin, Human Deviance Social Problems And Social Control, New Jersey, 1972.
5. Louis P. Carney, Corrections; Treatment Philosophy, New Jersey 1980.
6. Heinrich, The Rationale of Punishment Pattern, New Jersey, 1975.
7. Paul Lerman, Community Treatment And Social Controls, Chicago And London, 1975.
8. Teele J.E., Juvenile Delinquency, P.E. Peacock Publisher, 1970
9. Trozananowicz, Robert C., Juvenile Delinquency: Concept and Control, New Jersey, 1978.

Latihan-Latihan Ilmiah Lepas:-

1. Mahmud Mohd. Taib, "Remaja Nakal: Faktor-Faktor Dan Usaha-Usaha Pemulihian Berdasarkan Kajian Di Sekolah Laki-Laki Taiping, Perak." Latihan Ilmiah, JAS / UM, 1973/1974.
2. Nasir B, Mat Dahan, " Proses Pemulihian Akhlak Budak-Budak Nakal: Satu Tinjauan Kes Di Sekolah Sungai Besi. ", Latihan Ilmiah, JAS/ UM, 1979/1980.
3. Zainal B. Alias," Rehabilitation of Juvenile Prostitutes: A Case of The Women And Girls Rehabilitation Central, Cheras." Kertas Projek, JAS/UM, 1976/1977.

KEMENTERIAN KEBAJIKAN MASYARAKAT,  
MALAYSIA,  
TINGKAT 6-16, WISMA SHEN,  
JALAN MASJID INDIA,  
50562 KUALA LUMPUR

TEL: 2925011

Ruj. Kami: KKM.4277/JLDXVII/(5)

Tarikh: 24 February 1990.

Zawiyah bt. Mohamad  
Fakulti Sastera & Sains Sosial  
Universiti Malaya  
Lembah Pantai,  
59100 Kuala Lumpur.

Tuan/Puan,

KAJIAN ILMIAH

Adalah saya dengan hormatnya di arah merujuk kepada surat tuan/puan bertarikh 23.2.90 mengenai perkara tersebut diatas. Dengan ini persetujuan adalah diberi bagi tuan/puan menjalankan kajian mengenai:

Sambutan para penghuni terhadap proses pemulihan akhlak - satu kajian keatas sekolah

Di- Sekolah Tunas Bakti, Sg. Lereh, Melaka.


2. Tuan/Puan adalah dikehendaki mematuhi semua perkara dalam syarat-syarat menjalankan kajian yang tuan telah tandatangani, yang mana satu salinan dilampirkan bersama-sama ini.

3. Tuan/puan juga dikehendaki membuat temujanji dengan Jabatan/Institusi berkenaan sebelum memulakan kajian tuan/puan.

Sekian, terima kshih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

  
( MOHD. ABIDIN BIN HJ. MD. ZAIN )  
b.p Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat,  
Malaysia.

s.k.

1. Pengarah Pemulihan Akhlak.
2. Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah.
3. Pengetua, Sekolah Tunas Bakti, Sg. Lereh, Melaka.

Jabatan Bilik Sumber  
Universiti Malaya  
Jabatan Antropologi & Sosiologi

Lampiran 2.

Gambar 1: Sekolah Tunas Bakti Sungai Lereh, Melaka.



Gambar 2: Bangunan Pentadbiran Dan Kelas Akademik STB.



Gambar 3:

Kelas-Kelas Vokeysional Di STB.



Gambar 4:

Surau Sekolah Tunas Bakti Sungai Lereh, Melaka.



Gambar 5:

Taman Semaian Bunga Di Kebun Bunga Di STB.



Gambar 6:

Taman Bunga Di STB.



Gambar 7: Gerai-Gerai Yang Menjual Hasil Tangan Para Pemulih Di STB.



Gambar 8: Lain-lain Gerai Jahitan Di STB.



### Lampiran 3.

Borang Soal-Selidik Mengenai Sambutan Para Penghuni Terhadap Proses Pemulihan Akhlak. Satu Kajian Ke Atas Sekolah Tunas Bakti Sungai Lereh, Melaka.

#### Arahan:-

Jawab Pada Semua Bahagian.

Tandakan  pada jawapan yang dipilih dalam petak kosong yang telah disediakan.

#### Bahagian A:- Bahagian Peribadi Pemulih.

1. Umur

Jawapan \_\_\_\_\_ tahun.


2. Bangsa

(i). Melayu.


(ii). Cina.

(iii). India.

(iv). Lain-Lain; sila nyatakan \_\_\_\_\_

3. Agama

(i). Islam.


(ii). Buddha.

(iii). Kristian.

(iv). Lain-Lain; sila nyatakan \_\_\_\_\_

#### Bahagian B:- Bahagian Yang Berkaitan Antara Pemulih Dengan Sekolah Pemulih.

1. Bilakah anda mula dimasukkan ke sekolah ini?

Jawapan \_\_\_\_\_


2. Bagaimanakah perasaan anda ketika mula-mula sekali menjelaki sekolah pemulih ini?